

13 JUL 1996

Anwar-pekerja (Bergambar)

KERAJAAN BIMBANG KADAR UPAH NAIK MELAMPAUI PRODUKTIVITI

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Ekonomi negara mula merasakan kehangatan dari tahap kenaikan upah yang keterlaluan berbanding daya pengeluaran dan perkembangan ini dikhuatiri akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata perkara itu serius kerana jika ia dibenarkan berterusan, bukan sahaja ekonomi akan merosot tetapi pekerja dan majikan juga akan menanggung beban.

Sebagai contoh, katanya dalam sektor perkilangan, tahap kenaikan upah purata pada empat bulan pertama tahun ini sebanyak 11.7 peratus berbanding kenaikan daya pengeluaran hanya 6.1 peratus.

"Maknanya, kadar upah lebih dari kadar produktiviti. Dalam pertimbangan ekonomi makro, ini satu satu gejala yang kurang sihat," kata Anwar, yang juga Menteri Kewangan, ketika berucap pada Perhimpunan Perpaduan Hari Pekerja di Stadium Negara di sini.

Kira-kira 10,000 peserta dari sektor awam dan swasta menyertai perhimpunan itu anjuran Kementerian Sumber Manusia.

"Angka ini tidak menyeronokkan kerana ia menunjukkan bahawa ekonomi negara kita mulai merasakan kehangatan dari masalah tuntutan upah yang meningkat dan produktiviti yang tidak meningkat," kata Anwar.

Untuk menangani masalah ini, beliau berkata terdapat beberapa cara antaranya sektor awam dan swasta harus menjamin bahawa jika kadar upah meningkat, produktiviti juga harus meningkat.

"Kalau kita mahu terus jamin upah meningkat, kadar produktiviti harus lebih ditingkatkan lagi. Kalau ini perlu berlaku, kita mesti tahan supaya kadar upah tidak meningkat sehingga kadar produktiviti itu meningkat lebih tinggi," kata beliau.

Beliau berkata sektor awam dan swasta harus meneliti serta memastikan supaya pekerja mereka lebih cermat dan berhemat serta bekerja dengan bersungguh-sungguh supaya daya pengeluaran akan meningkat.

Anwar berkata kerajaan akan terus memastikan supaya para pekerja mendapat keadilan dan menikmati kemudahan-kemudahan kesihatan dan pendidikan yang lebih baik dan selesa "tetapi kita juga mahu tahap peningkatan produktiviti diteruskan".

"Kita dapat memastikan kadar upah kian meningkat kerana pertumbuhan dan pembangunan ekonomi kita tidak akan terlepas dan tidak harus terlepas dari prinsip keadilan dan kebaikan buat semua," kata beliau.

Beliau berkata kerajaan tidak mahu melihat situasi di mana kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi tetapi kehidupan para pekerja diabaikan.

"Sebab itu kita mahu memastikan ada semangat kerjasama dan musyawarah yang baru. Tidak melalui pertentangan dan ketegangan kerana ia akan membawa kepada kedudukan yang tidak stabil," kata beliau.

Anwar menggesa pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja supaya menggunakan Hari Pekerja tahun ini untuk mengeratkan perpaduan dan menekankan kepada pekerja bahawa Malaysia mampu maju dengan syarat produktiviti meningkat.

Beliau berkata kerjasama majikan harus dipelihara kerana akhir-akhir ini, ada percubaan baru di kalangan negara-negara industri, termasuk Eropah, untuk memasukkan satu peruntukan "fasal sosial".

Kata beliau, ia bertujuan untuk memaksa Malaysia menetapkan kadar upah yang tinggi sehingga syarikat-syarikat tempatan tidak mampu bersaing dengan syarikat asing.

"Kita jangan terperangkap dengan agenda ini kerana sementara kita mahu

menegakkan keadilan, kita mahu menjamin nasib pekerja kita itu terbela. Kita tidak mahu tertipu oleh muslihat orang-orang asing terhadap kita," kata Anwar.

Beliau juga mengingatkan pekerja tempatan supaya jangan menggunakan alasan bahawa Malaysia telah mencapai gunatenaga penuh untuk menuntut kenaikan gaji yang berlebihan.

Beliau berkata tuntutan gaji yang berlebihan bukan sahaja di kalangan pekerja peringkat pertengahan dan rendah tetapi juga di peringkat atasan sehingga ada "korporat-korporat mendapat upah yang tidak munasabah sama sekali".

Beliau berkata perkara ini juga ditekankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu supaya golongan berkenaan mendapat ganjaran yang "munasabah".

"Kenaikan kadar upah pihak pengurusan itu keterlaluan dan ini tidak akan memberikan satu dorongan kepada peningkatan produktiviti dan juga satu mesej yang jelas kepada pekerja di peringkat pertengahan dan rendah," kata beliau.

-- BERNAMA

ES HAK AHH